



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.2/76/127(PM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum  
pukul 8.30 malam, 28hb Februari, 1976.

### MAJLIS JAMUAN NEGARA

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di Majlis Jamuan Negara, sempena Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang keenam di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 28hb Februari, 1976 jam 8.00 malam :

Bismillahi Rahmanirrahim

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku,

Patik, bagi pihak Kerajaan Malaysia dan bagi pihak sekalian yang hadir, mengucapkan syukur ke hadzrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmatNya, patik-patik sekalian dapat berhimpun di Majlis yang permai, pada malam ini, untuk meraikan Kebawah Duli Tuanku dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, sempena peristiwa bersejarah, Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Tuanku berdua, yang telah berlangsung dengan selamat sempurnanya, pagi tadi. Peristiwa itu mempunyai makna yang besar dan penting dalam sejarah negara Malaysia, yang mengamalkan pemerintahan beraja, sambil menjunjung tinggi sistem demokrasi berparlimen.

Patik juga sukacita menyembahkan junjung kasih dan penghargaan terhadap Kebawah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, yang telah berkenan berangkat, mencemar duli, hadir di Majlis ini. Kehadiran Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku, telah memberi penghormatan tinggi dan menambahkan lagi serinya Majlis yang bersejarah ini. Begitu juga, patik mengucapkan terimakasih kepada Tuan-tuan Yang Terutama Gabnor-gabnor dan Yang Dipertua Negara Sabah, di atas kehadiran mereka. Demikian juga seterusnya kepada dif-dif kenamaan, pemimpin-pemimpin Kerajaan dan pemimpin rakyat, yang turut hadir meraikan Kebawah Duli Tuanku berdua, di Majlis ini.

Rakyat di seluruh negara, sangat berbangga kerana Malaysia mempunyai keistimewaan dalam sistem memilih Yang Dipertuan Agong, iaitu sembilan orang Raja Pemerintah, dengan kata muafakat, melantik salah seorang Raja, sebagai Yang Dipertuan Agong menaiki Takhta Singgahsana, berkhidmat selama lima tahun. Cara pemilihan seumpama ini dapat menjamin keadilan dan kestabilan negara, dan menjadikan institusi Ketua Negara ini, sebagai lambang perpaduan dan pusat tumpuan taat setia rakyat berbilang kaum seluruhnya.

(tambahan)

Patik sekalian bangga bahawa negara dapat mengekalkan corak pemerintahan beraja ini, sebagai satu tradisi, sambil menyesuaikan dengan lunas-lunas demokrasi, dan sejajar dengan peredaran zaman, demi memenuhi kehendak rakyat, dalam negara moden dan membangun. Institusi Yang Dipertuan Agong, yang diwujudkan semenjak negara merdeka 19 tahun yang lalu, walaupun muda dari jangka waktu, tetapi telah berakar umbi, menjadi lambang segala kebesaran dan kemuliaan, serta menjadi satu identiti negara yang membanggakan rakyat negara yang muda ini.

Sesungguhnya, institusi Yang Dipertuan Agong ini, telah menjadi kekal kerana penyandang jawatan ini menjalankan tugas yang berat dan mulia, dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi serta pengorbanan, demi kepentingan negara.

Institusi Yang Dipertuan Agong, sebagai Tunggak Negara mendapat kedudukan yang paling tinggi dalam susunan negara. Sebagai Raja Pemerintah, Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa dari segi Pentadbiran, Perundangan dan Keadilan. Sesungguhnya, segala tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah atas nama Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Seri Paduka Baginda juga mengurnia Darjah-darjah Kebesaran kepada rakyat-rakyat yang berjasa kepada negara.

Sebagai Ketua Negara, Seri Paduka Baginda menjalankan tugas menerima perwakilan Ketua-ketua Negara Asing, dan menauliahkan wakil negara kita ke negara-negara asing. Seri Paduka Baginda berkuasa atau mempunyai discretionary power melantik Perdana Menteri, dan dengan nasihat Perdana Menteri, menarik ahli Jumaah Menteri. Seri Paduka Baginda berkuasa memanggil Parlimen Bersidang dan boleh pula membubar Parlimen, dengan nasihat Perdana Menteri. Segala Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, hanya berjalan kuatkuasanya apabila mendapat perkenan Seri Paduka Baginda. Yang Dipertuan Agong juga, dengan nasihat Perdana Menteri, melantik Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan. Di bidang ketenteraan, Yang Dipertuan Agong adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia atau Supreme Commander of the Malaysian Armed Forces. Seri Paduka Baginda mempunyai kuasa mengampun sebarang kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera.

Dalam keadaan darurat, di masa kedudukan negara terancam dan sekiranya Parlimen tidak dapat bersidang, maka Seri Paduka Baginda boleh meluluskan ordinar yang mempunyai kuasa undang-undang. Dari segi agama, Yang Dipertuan Agong adalah Ketua Ugama bagi Negeri Baginda sendiri, di samping Negeri Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Dari susunan pentadbiran dan kuasa ini, jelaslah bahawa jawatan Yang Dipertuan Agong itu merupakan satu tenaga yang kuat atau strong cohesive force, meliputi semua bidang kehidupan negara, under the Federal Structure i.e. Functions in regard to:

Legislation, Administration, Justice, Military,  
Emergency and Religion.

(tambahan)

PEN.2/76/127(PM)  
(hubungan 3)

Sesungguhnya rakyat Malaysia dari semua peringkat dan golongan, amat bertuah mempunyai seorang Yang Dipertuan Agong dari Raja Pemerintah Negeri Kelantan, Darulnaim, yang mempunyai sifat kepimpinan serta pengalaman, dan mengambil berat di atas hal negara dan kebajikan rakyat. Semoga perlantikan Kebawah Duli Tuanku, lebih-lebih lagi ketika negara sedang pesat membangun, akan membawa zaman baru yang lebih bererti bagi rakyat dan negara. Patik yakin dan percaya, dengan izin Allah, di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuanku, negara Malaysia akan mencapai peringkat kemajuan yang lebih cemerlang dan dapat mengekalkan namanya yang harum, disisi negara-negara rantau ini dan dunia amnya.

Akhirnya, patik sekalian berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala, melimpahkan rahmatNya serta dilanjutkan usia zaman Kebawah Duli Tuanku berdua, dan semoga berada dalam keadaan selamat dan sihat walafiat, bersemayam di atas Takhta Singgahsana, Pemerintahan Kerajaan Malaysia, dengan penuh kebesaran dan kemuliaannya.

Ampun Tuanku.

KUALA LUMPUR,  
27hb Februari, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 11.00 malam)

AF/lbh

PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI



No. Siri .....	167
No. Penerimaan .....	4/76

1 - JUN 1976